

## **Pemaparan Identiti Remaja Lelaki dalam Genre Filem Remaja Indonesia**

Firdaus El Hadi  
Md Azalanshah Md Syed\*  
Hamed Mohd Adnan  
Universiti Malaya, Malaysia

Mohd Nazri Ibrahim  
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Emel perhubungan: azalan@um.edu.my\*

### **Abstrak**

*Artikel ini memberi tumpuan kepada perkembangan genre filem remaja di Indonesia dan pengaruhnya dalam pembentukan identiti dalam kalangan remaja, khususnya remaja lelaki. Hal ini demikian kerana kepelbagaian pemaparan dalam filem remaja memberi suatu perspektif semasa mengenai perubahan sosial dalam masyarakat. Pada masa yang sama, genre filem remaja menjadi suatu platform penting untuk meneliti kepelbagaian naratif yang menyumbang kepada pembentukan identiti remaja di Indonesia.*

**Kata kunci:** *Budaya Pop, Filem Remaja, Identiti Budaya, Indonesia*